



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
**MINGGU EPIDEMIOLOGI 19 (07 MEI – 13 MEI 2023)**

Pada Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,242 kes berbanding 1,956 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 286 kes (14.6%). Dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-19 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 41,175 kes berbanding 14,724 kes bagi tempoh sama tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak 26,451 (179.6%). Manakala sejumlah 26 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding sembilan (9) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Sebanyak 87 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini, sama seperti minggu sebelumnya dengan 49 lokaliti berada di Negeri Selangor, 22 lokaliti di Pulau Pinang, tujuh (7) lokaliti di Sabah, lima (5) lokaliti di WPKL & Putrajaya, tiga (3) lokaliti di Kedah dan satu (1) lokaliti di Perak.

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tiga (3) kes pada minggu ke-19 dengan dua (2) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 130 kes. Bagi surveyan

zika, sebanyak 1,087 sampel darah dan 45 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan pelbagai cara bagi mengawal penularan jangkitan Penyakit Denggi melalui aktiviti penghapusan tempat pembiakan, semburan kabus, aktiviti membunuh jentik-jentik serta berbagai kaedah lain. Namun usaha tersebut tidak akan berhasil tanpa sokongan dan kerjasama padu penduduk setempat.

Masyarakat dapat membantu mengurangkan populasi nyamuk *Aedes* di persekitaran dengan melakukan aktiviti gotong-royong serta cari dan musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit seminggu. Pastikan kawasan lorong belakang rumah, tanaman di hadapan rumah, tanah kosong serta tempat rekreasi bebas dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*. Dapatkan rawatan segera di fasiliti kesihatan terdekat sekiranya muncul gejala demam denggi seperti demam tinggi secara tiba-tiba, sakit otot/ tulang, sakit kepala, pening dan sakit di belakang mata. Rawatan awal menyelamatkan nyawa.

**Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

**DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN**


Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**18 Mei 2023**




**Gambarajah 1:** Perbandingan kes dan kematian demam enggi minggu ke-19 dan ke-18 tahun 2023



**Gambarajah 2:** Perbandingan kes dan kematian demam enggi sehingga minggu ke-19 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan Demam Denggi Malaysia tahun 2023, 2022 dan median 2018-2022**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-19 tahun 2023**